

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/27 Jld. 3 (80)

31 Oktober 2019
3 Rabiulawal 1441

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 20/2019

KOD ETIKA PROFESIONAL DAN DEKLARASI / PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN DALAM KALANGAN WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pihak Universiti melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/2019 telah melaksanakan Deklarasi/Pengisytiharan Kepentingan Dalam Kalangan Warga Universiti Teknologi Malaysia. Antara perkara yang ditegaskan di dalam pekeliling tersebut adalah keperluan membuat **pengisytiharan kepentingan**, pemahaman kepada **konsep Rahsia, Sulit dan Terhad** sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Kod Etika Profesional UTM, di mana semasa menjalankan tugas, staf Universiti boleh mengakses pelbagai maklumat Universiti yang berbentuk Rahsia, Sulit dan Terhad haruslah berpegang kepada peraturan yang ditetapkan.

2. Semua Staf Universiti adalah diingatkan untuk tidak membocorkan maklumat terperinci dan rahsia kerajaan. Perbuatan membocorkan rahsia kerajaan boleh dikenakan **hukuman penjara** di bawah seksyen 8, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan **tindakan tatatertib** di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), kerana tidak amanah dan tidak bertanggungjawab.


3. Perbuatan menyebarkan rahsia kerajaan melalui pelbagai jenis peralatan komunikasi seperti telefon bimbit dan lain-lain peralatan komunikasi yang berupaya untuk berkomunikasi, merakam sama ada dalam bentuk audio atau video, mengambil gambar (capture), menyimpan dan menyebarkan sesuatu maklumat rahsia rasmi adalah dilarang. Antara contoh peralatan komunikasi yang dimaksudkan adalah seperti jam pintar (smart watch), pen pintar (smart pen), kamera, perakam suara, perakam video, tablet dan seumpamanya.

4. Staf Universiti diingatkan agar terus mematuhi undang-undang negara, peraturan dan polisi yang ada berkenaan dengan kerahsiaan walaupun telah meninggalkan perkhidmatan di Universiti. Kegagalan mematuhi peringatan ini boleh mengakibatkan rahsia kerajaan terdedah kepada ancaman kebocoran maklumat sehingga boleh menjejaskan imej pentadbiran Kerajaan dan amat dikhuatiri akan mengancam keselamatan Negara.
5. Pematuhan kepada peringatan ini adalah selaras dengan **Surat Akujanji** yang telah ditandatangani oleh **setiap staf Universiti** semasa melaporkan diri bertugas di Universiti, di mana pelanggaran kepada Surat Akujanji tersebut akan menyebabkan tindakan tegas dikenakan kepada staf Universiti berkenaan, jika sabit kesalahan.
6. Sehubungan dengan itu, semua Staf Universiti adalah diminta terus mengekalkan integriti pada peringkat tertinggi bagi memastikan etika kerja perkhidmatan awam terus kekal relevan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah